

BINA UPAYA

BINA UPAYA PROMOSI KESIHATAN UNTUK PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN (NGO)

Kerjasama antara Lembaga Promosi Kesihatan (LPKM) dengan NGO dalam meningkatkan tahap dan kualiti kesihatan masyarakat melalui promosi kesihatan adalah amat penting. Untuk menjadikan kerjasama ini berkesan dan efektif kedua-dua pihak hendaklah mempunyai aspirasi yang sama iaitu untuk meningkatkan kesihatan masyarakat dan bergerak atas landasan yang sama. Bagi menentukan kecapaian aspirasi ini, LPKM telah meletakkan bina upaya (capacity building) sebagai salah satu agenda utama penubuhannya. Umum sedia maklum bahawa NGO merupakan badan atau organisasi yang tidak mempunyai apa-apa pertalian dengan organisasi kerajaan, swasta, parti-parti politik dan tidak berasaskan keuntungan. Kebebasan ini menjadikan NGO-NGO yang berkaitan dengan bidang-bidangnya, berkeupayaan untuk memberi cadangan malah memberi tekanan dan teguran kepada kerajaan dalam polisi-polisi awam yang dirasakan tidak memberi manfaat yang sepenuhnya kepada masyarakat umum.

Melihat kepada peranan ini, maka LPKM secara terbuka mengalu-alukan sebarang bentuk kerjasama yang erat dengan pihak NGO khususnya NGO-NGO yang berminat memacu perkembangan promosi kesihatan di Malaysia baik melalui projek-rojek promosi mahupun penyelidikan. Bagi memudahkan kerjasama ini dan mendapat persefahaman yang erat, LPKM telah mengambil inisiatif untuk membina upaya NGO-NGO yang berminat melalui seminar yang diadakan dari masa ke semasa. Antara lain, penganjuran seminar ini dilaksanakan atas asas-asas berikut;

- Seksyen 14(a) Akta Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia 2006 (Akta 651) telah memperuntukkan usaha memajukan keupayaan NGO sebagai salah satu objektif utama yang mendasari penubuhan LPKM. Oleh yang demikian, ketetapan ini perlu dilaksanakan sepenuhnya.

- Tinjauan yang dilakukan pada tahun 2003 dan 2004 oleh Pasukan Petugas LPKM ke atas beberapa NGO, menunjukkan bahawa mereka mempunyai minat yang tinggi untuk melaksanakan projek promosi kesihatan tetapi tidak mempunyai cukup pengetahuan dan kemahiran bagi melaksanakannya. Oleh itu, adalah sangat penting proses bina upaya dijalankan bagi membantu mengupayakan pertubuhan-pertubuhan tersebut menjalankan projek atau aktiviti promosi kesihatan dengan cara yang terancang dan betul.
- Di samping itu, kebanyakan NGO memerlukan bantuan kewangan atau geran bagi membolehkan mereka melaksanakan projek yang berdaya maju, maka menjadi tanggungjawab LPKM untuk membantu mereka. Bagi memastikan peraturan dan prosedur pemberian geran ini difahami dan dipatuhi, pertubuhan-pertubuhan tersebut perlu diberi bimbingan yang sewajarnya untuk membolehkan mereka membuat satu persediaan yang rapi seperti penyediaan kertas cadangan projek dan cara mengisi borang permohonan geran dengan betul.
- Selanjutnya, NGO juga perlu dimaklumkan mengenai masalah-masalah kesihatan awam yang dihadapi oleh rakyat Malaysia. Justeru itu, menjadi tanggungjawab LPKM memaklumkan kepada NGO tentang bidang-bidang kesihatan yang menjadi keutamaan LPKM semasa seminar dijalankan. Ini bertujuan untuk memastikan projek-projek yang dipilih selaras dengan matlamat dan objektif LPKM khususnya dan Kementerian Kesihatan Malaysia amnya.

LPKM akan berusaha secara yang terbaik dan berterusan membantu dan membimbing NGO-NGO yang berminat mempromosikan kesihatan. Adalah menjadi harapan LPKM, melalui seminar-seminar yang telah dan akan diadakan dapat menimbulkan minat NGO untuk berkerjasama dalam usaha memperbaiki dan meningkatkan taraf kesihatan masyarakat melalui projek-projek promosi kesihatan serta penyelidikan. Kerjasama ini adalah melalui pemberian geran untuk membiayai projek-projek promosi dan penyelidikan yang selaras dengan kehendak dan bidang-bidang keutamaan LPKM.
